

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SHAH ALAM,
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
Perbicaraan Jenayah No: 62D-(213 & 214)-07/2012**

ANTARA

PENDAKWA RAYA

LAWAN

(1) MOHD RAFIZI BIN RAMLI

(2) JOHARI BIN MOHAMAD

.....
PERNYATAAN SAKSI OKT PERTAMA

(SD1)

.....
Nama : Mohd Rafizi bin Ramli
No. KP : 770914-11-5025
**Alamat : A405, Kyoto Garden Condominium, Bukit Antarabangsa,
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan.**

Saya, **Mohd Rafizi bin Ramli (770914-11-5025)** adalah seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di **A405, Kyoto Garden Condominium, Bukit Antarabangsa, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan** dengan sesungguhnya menyatakan seperti berikut:

- i. Saya telah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh peguam, En Ahmad Nizam bin Hamid dan En Mohd Falihin Kamil bin Mohamed Sazali berdasarkan pengetahuan saya sendiri melainkan apa yang dinyatakan sebaliknya.
- ii. Soalan-soalan dan jawapan-jawapan adalah seperti berikut:

S1 Bolehkah kamu beritahu mahkamah apakah pekerjaan kamu pada bulan Mac 2012?

J1.1 Saya adalah Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor sejak 2009. Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor adalah sebuah unit di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang antara lainnya bertanggungjawab membangunkan inisiatif ekonomi untuk Selangor. Saya adalah seorang akauntan bertauliah dari Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales (ICAEW) dan telah meletakkan jawatan di sektor korporat untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor ketika itu atas permintaan Dato' Seri Anwar Ibrahim atas kapasiti beliau sebagai Penasihat Ekonomi Kerajaan Selangor ketika itu.

J1.2 Sejak Oktober 2010, saya memegang jawatan sebagai Pengarah Strategi PKR di peringkat nasional.

S2 Sebagai Pengarah Strategi PKR bolehkah kamu jelaskan bidang tugas kamu?

J2.1 Pada amnya, saya diamanahkan untuk mengatur strategi PKR menghadapi Pilihanraya Umum yang ke-13 ketika itu. Strategi utama yang saya tumpukan ialah membangunkan dasar-dasar yang boleh dilaksanakan oleh pakatan pembangkang sekiranya kami menang PRU13.

J2.2 Dasar-dasar yang paling mendesak ketika itu banyak berkisar mengenai ekonomi rakyat seperti mengurangkan beban sara hidup, pendidikan tinggi percuma, menurunkan harga minyak dan lain-lain. Oleh itu persoalan mengenai bagaimana wang rakyat dibelanjakan turut menjadi tumpuan saya kerana setiap satu sen yang dibazirkan oleh kerajaan Barisan Nasional adalah satu sen yang boleh dibelanjakan untuk biasiswa rakyat, minyak yang lebih murah dan lain-lain.

J2.3 Sebab itu saya memberi tumpuan khusus menyelidik prestasi kerajaan Barisan Nasional membelanjakan wang rakyat. Dengan latar belakang saya sebagai seorang akauntan bertauliah dan bekas juru audit yang lebih arif mengenai tata kelola kewangan, saya banyak memberikan tumpuan menyelidiki laporan Ketua Audit Negara.

J2.4 Saya mengambil inisiatif untuk menyelidik dengan lebih mendalam kes-kes yang berlaku kepincangan kewangan seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Bila saya ada maklumat yang lebih mendalam, saya bawa maklumat-maklumat

itu kepada pengetahuan awam untuk menunjukkan bagaimana pembaziran yang berlaku, jika dibendung, sepatutnya boleh membiayai banyak program yang bermanfaat kepada rakyat.

S3 Apakah isu-isu besar yang telah ditangani oleh kamu selaku Pengarah Strategi PKR pada masa tersebut?

J3.1 Saya pernah menunjukkan bagaimana beberapa perbelanjaan peribadi seperti majlis keraian yang melibatkan Perdana Menteri dihantar bilnya untuk diuruskan oleh Pejabat Perdana Menteri. Ekoran pendedahan seperti itu, saya mula menerima banyak maklumat dari orang ramai setiap kali saya mendedahkan sesuatu perkara.

J3.2 Kegagalan projek National Feedlot yang dianugerahkan kepada National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC) telah menjadi tumpuan Parlimen sejak tahun 2010 lagi dan mula ditimbulkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Ketua Pembangkang ketika itu. Oleh itu, bila laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen akhir Oktober 2011 mengesahkan kegagalan itu, saya mula menyiasatnya dengan lebih terperinci kerana saya bertanggungjawab menyediakan ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim di Parlimen.

J3.3 Hasil siasatan saya itu, skandal NFC menjadi skandal ketirisan dana awam yang terbesar ketika itu.

S4 Bolehkah kamu beritahu mahkamah bilakah kamu mula membuat pendedahan berkenaan dengan NFC ini?

J4.1 Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2011 dikemukakan kepada Parlimen sekitar akhir Oktober 2011, iaitu menurut peraturan bahawa laporan Ketua Audit Negara dibentangkan dahulu sebelum belanjawan dibentangkan.

J4.2 Oleh kerana saya adalah tenaga utama dalam pasukan yang menyediakan ucapan perbahasan Dato' Seri Anwar sebagai Ketua Pembangkang, saya merasakan lebih baik saya meninjau sendiri ladang ternakan lembu di Gemas yang diusahakan NFC agar kritikan saya berasas dan tidak dianggap serangan liar tanpa bukti yang akan memalukan Dato' Seri Anwar.

J4.3 Sekitar 25 Oktober 2011, saya melawat ladang NFC di Gemas. Hasil lawatan saya ke ladang tersebut menunjukkan jumlah lembu yang ditenak tidak sepadan dengan jumlah dana awam RM250 juta yang diberikan kepada NFC.

J4.4 Saya mula bertanya mengenai pencapaian projek ini sebaik pulang dari lawatan ke ladang NFC, melalui satu kenyataan media pada 26 Oktober 2011. Kenyataan media itu menyebabkan saya mula mendapat pelbagai maklumat dari orang awam yang pernah berurusan dengan NFC mengenai bagaimana dana awam RM250 juta itu tidak digunakan sepenuhnya untuk memelihara lembu, sebaliknya untuk membeli harta peribadi seperti kondominium dan restoran dan pasaraya mewah.

S5 Pada waktu itu yakni di antara bulan Oktober 2011 sehingga Februari 2012, apakah yang telah kamu lakukan dan apakah maklumbalas daripada pihak NFC?

J5.1 Hasil dari pelbagai maklumat dari orang awam selepas kenyataan media saya yang pertama, saya telah berjaya menyiasat dengan lebih mendalam untuk menunjukkan bagaimana sebahagian besar dana awam RM250 juta itu sebenarnya tidak dibelanjakan untuk memelihara lembu, seperti tujuan asal kenapa dana awam itu diberikan kepada NFC.

J5.2 Bagi setiap perbelanjaan besar yang tidak mengikut mandat NFC dilantik melaksanakan projek fidlot ini, saya selalunya membuat satu kenyataan media atau beberapa kenyataan media jika pembuktian perbelanjaan besar itu lebih rumit.

J5.3 Di antara akhir Oktober 2011 hingga akhir Februari 2012, saya telah membuat 30 kenyataan media yang sebahagian besarnya menyenaraikan bukti-bukti ke mana dana awam RM250 juta itu telah dibelanjakan.

J5.4 Bagi satu bulan pertama, langsung tidak ada sebarang maklumbalas dari NFC atau pun Dato' Seri Shahrizat Jalil, iaitu isteri kepada Dato' Seri Salleh Ismail iaitu CEO NFC. Kenyataan pertama dari Dato' Seri Shahrizat Jalil dibuat di Perhimpunan Agung Umno 2011 iaitu sekitar awal Disember 2011. Itu pun beliau langsung tidak menjawab segala bukti-bukti yang saya telah tampilkan mengenai dana awam yang digunakan untuk

membeli harta peribadi seperti kondominium. Sebaliknya, beliau memberi amaran tidak teragak-agak untuk menyelak kain, yang saya fahami bahawa amaran bahawa beliau akan melawan balik sekiranya skandal NFC terus dikaitkan dengan beliau.

J5.5 Saya mengikuti dengan dekat sekiranya ada sebarang maklumbalas atau penerangan yang diberikan oleh NFC berhubung bukti-bukti pembelian kondominium dan harta peribadi lain yang saya kemukakan. Kenyataan media pertama dari NFC sejak saya mula membawa skandal NFC ini adalah pada 15 Januari 2012, iaitu hampir 3 bulan selepas saya mula-mula sekali menimbulkan isu ini.

S6 Berbalik kepada kes kita pada hari ini yang juga berkaitan dengan NFC, kamu telah dituduh menzahirkan dokumen hal ehwal akaun bank kepunyaan beberapa syarikat yang terkait dengan SP1, bolehkah kamu jelaskan kepada mahkamah bagaimana kamu memperolehi dokumen-dokumen tersebut?

J6.1 Saya tidak ingat tarikh yang sebenarnya, besar kemungkinan dihujung bulan Februari 2012, semasa masuk ke pejabat pada satu pagi saya dapati ada satu sampul surat di atas meja saya yang ada nama saya ditulis dengan pen sahaja.

J6.2 Pada ketika itu, pejabat saya sebagai CEO Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor adalah di Plaza Perangsang, Shah Alam yang menumpang satu ruang di pejabat Konsortium ABASS Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Kerajaan Selangor.

J6.3 Kebiasaannya surat-surat kepada saya diserahkan baik oleh posmen atau secara tangan kepada kerani di ruang depan pejabat ABASS. Setelah itu barulah surat-surat itu diagihkan kepada penerima termasuk saya. Kalau saya ada di pejabat ketika surat-surat itu diagihkan, maka ia diberikan secara tangan oleh kerani yang bertugas itu. Jika tidak, ia akan diletakkan di meja saya kerana pintu bilik saya sentiasa terbuka.

S7 Adakah kamu tahu siapa yang menyerahkan sampul surat tersebut?

J7.1 Saya tidak tahu siapa yang menyerahkan atau bila sampul surat itu diserahkan di pejabat ABASS. Saya juga tidak tahu siapa yang meletakkan di atas meja saya kerana ia telah ada di situ semasa saya masuk pejabat.

S8 Apakah isi kandungan sampul surat tersebut?

J8.1 Setelah membuka sampul surat tersebut, ada berbelas helai kertas A4 yang bercetak. Saya tahu bahawa kertas-kertas itu bukan salinan asal kerana jelas ada beberapa bahagian yang telah dihitamkan untuk menyembunyikan maklumat tertentu.

J8.2 Tidak ada satu pun dari kertas-kertas itu yang mempunyai apa-apa maklumat yang ditulis dan ditujukan khas kepada saya. Hanyalah berbelas helai kertas A4 bercetak yang maklumatnya seperti maklumat pinjaman di bank.

J8.3 Walaupun tidak ada apa-apa maklumat khusus kepada saya untuk saya fahami apa sebenarnya helaian kertas yang berbelas muka surat itu, saya dapat agak berdasarkan pengalaman saya sebagai juru audit dan akauntan bertaauliah bahawa helaian kertas itu sebahagian besarnya adalah mengenai pinjaman-pinjaman yang telah diberikan oleh sebuah bank kepada seseorang kerana tertera perkataan “Collateral System” di atas kertas-kertas itu. Maklumat-maklumat khusus hartanah iaitu alamat dan nombor unit di KL Ecocity serta nilai bagi setiap unit juga ada di atas helaian-helaian yang mempunyai perkataan “Collateral System”.

J8.4 Ada juga beberapa helaian yang tertera perkataan “Customer Profile” yang menguatkan lagi sangkaan saya bahawa berbelas helaian di dalam sampul surat tersebut adalah semacam dokumen kewangan dari bank tertentu yang saya tidak dapat sahkan bank mana; kerana ada maklumat yang telah dipadamkan.

S9 Rujuk kepada Eksibit P4, Lampiran A sehingga Lampiran E, apakah ini dokumen-dokumen yang kamu maksudkan yang kamu perolehi daripada sampul surat berkenaan?

J9.1 Ya, saya sahkan inilah dokumen-dokumen yang saya perolehi daripada sampul surat yang diserahkan oleh orang yang tidak saya ketahui di pejabat ABASS.

S10 **Pada Lampiran A sehingga Lampiran D terdapat ruangan atau ‘particular’ yang telah dihitamkan, adakah kamu yang membuatnya ataupun sebaliknya seperti yang telah diserahkan kepada kamu?**

J10.1 Saya mengesahkan sekali lagi bahawa saya telah menerima dokumen-dokumen seperti Lampiran A sehingga D seperti mana terdapat pada Eksibit P4; iaitu sudah memang daripada awal ada ruangan yang telah digelapkan dan saya tidak tahu siapa yang membuatnya serta kerana tujuan apa.

J10.2 Saya tidak membuat sebarang pindaan seperti menghitamkan ruangan atau ‘particular’ pada dokumen tersebut kerana saya telah menerima seperti mana asalnya.

S11 **Tadi kamu memberitahu yang pada hemat kamu dokumen-dokumen tersebut merupakan dokumen-dokumen daripada sebuah bank. Bagaimanakah kamu membuat kesimpulan tersebut?**

J11.1 Saya adalah seorang akauntan bertauliah dan pernah bertugas sebagai juru audit di London. Saya juga mempunyai pengalaman yang luas di bidang kewangan yang menguruskan hal ehwal kewangan berpuluh-puluh syarikat yang beroperasi di seluruh dunia.

J11.2 Sesiapa yang biasa menguruskan hal ehwal kewangan syarikat dan biasa dengan sistem perisian kewangan, apatah lagi jika

pernah menjadi juru audit seperti saya, boleh mengagak bahawa maklumat-maklumat yang khusus serta kod-kod yang digunakan di dalam dokumen-dokumen tersebut pada kebiasaannya digunakan oleh perisian kewangan bank.

J11.3 Cumanya saya tidak tahu bank mana dan sama ada dokumen-dokumen itu asli atau tidak kerana ia sudah pun dalam keadaan salinan.

S12 Boleh kamu jelaskan lebih lanjut keterangan kamu sebentar tadi yang kamu tidak pasti sama ada dokumen itu asli atau sebaliknya?

J12.1 Berdasarkan pengalaman saya, perisian kewangan bank tidak menggunakan kertas A4 dan menggunakan mesin pencetak yang lebih murah kerana jumlah transaksi yang banyak. Selalunya menggunakan mesin pencetak dot matrix dan kertasnya juga yang jauh lebih murah dari kertas A4 biasa. Bila dokumen-dokumen itu datang dalam bentuk kertas A4 yang sudah disalinkan menggunakan mesin pencetak atau photocopier, saya tidak dapat pastikan sama ada maklumat-maklumat itu benar-benar asli dan tepat, atau pun sudah diubah, atau pun maklumat palsu yang sengaja ditinggalkan untuk memerangkap saya.

J12.2 Saya juga tidak tahu sama ada maklumat-maklumat itu memang dalam format laporan dari perisian kewangan bank atau hanya maklumat-maklumat yang diambil dari perisian kewangan bank tetapi telah ditaip semula menggunakan perisian "word

processing” seperti Microsoft Word kerana yang saya dapat di dalam sampul surat tersebut hanyalah helaian-helaian salinan A4 yang jelas bukan format asal, kalau pun ia laporan dari perisian kewangan bank.

J12.3 Menjelang akhir Februari 2012 ketika saya mendapat sampul surat yang mengandungi helaian-helaian tersebut, saya telah menerima banyak maklumat mengenai skandal NFC yang identiti pengirimnya dirahsiakan. Saya terpaksa menyiasat sendiri untuk memastikan kesahihan dan ketepatan maklumat-maklumat yang diberikan oleh orang ramai. Saya tidak boleh berhubung terus dengan pemberi maklumat kerana saya tidak mempunyai apa-apa maklumat mengenai identiti mereka.

J12.4 Pengalaman saya menunjukkan bukan semua maklumat yang diberikan adalah benar atau tepat. Maklumat-maklumat ini perlu disiasat dahulu dan hanya yang benar-benar tepat dan disahkan pula dengan dokumen pemilikan hartanah yang saya kemukakan kepada orang ramai sebagai bukti salah guna dana awam untuk membeli harta peribadi.

J12.5 Sebab itu walaupun maklumat-maklumat yang terkandung di dalam dokumen-dokumen itu nampak khusus dan saya mengagak bahawa itu dokumen-dokumen dari perisian kewangan bank, mustahil saya boleh mengesahkan kesahihan bahawa itu adalah penyata bank kerana dokumen-dokumen itu bukan dalam format asal dan kod bank telah dipadamkan. Jadi, saya sendiri tidak tahu bank mana yang dirujuk dan saya tidak dapat pastikan sama ada kod bank itu benar-benar wujud.

S13 Kamu mengatakan sampul surat itu ditinggalkan di pejabat kamu dan kamu tidak tahu siapa yang menyerahkan sampul surat tersebut. Boleh jelaskan bagaimana kamu mengenali OKT2 jika kamu tidak mendapat dokumen itu dari beliau?

J13.1 Saya tidak pernah kenal OKT2 dan saya tidak pernah tahu kewujudan beliau, sehinggalah satu hari sekitar akhir April 2012 saya mendapat panggilan dari seorang yang saya tidak kenali.

J13.2 Saya tidak berapa faham apa yang cuba disampaikan oleh orang yang memanggil saya itu, tambahan pula saya di dalam mesyuarat dan tidak boleh bercakap dengan kuat. Memandangkan saya selalu juga menerima panggilan memohon bantuan guaman atau pertolongan apabila pengadu ada masalah undang-undang, saya memberikan nombor peguam N Surendren untuk dihubungi oleh pemanggil. Panggilan itu terlalu pendek dan seingat saya tidak lebih dari beberapa minit sahaja.

J13.3 Saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan atau berhubung dengan OKT2 sehinggalah saya dimaklumkan oleh peguan N Surendren beberapa minggu selepas itu bahawa OKT2 telah dituduh membocorkan maklumat dari sebuah bank yang telah digunakan di dalam satu sidang media saya.

J13.4 Saya diminta untuk hadir dalam satu sidang media bersama dengan OKT2 pada 14 Mei 2012 yang dikendalikan oleh peguam N Surendren. Itulah kali pertama saya berjumpa OKT2 dan tahu nama beliau.

S14 Kamu memberitahu mahkamah kamu tidak pasti kesahihan dokumen tersebut, tetapi kamu telah mengadakan sidang akhbar pada 7 Mac 2012 berkaitan dokumen yang kamu perolehi tersebut?

J14.1 Saya telah terangkan bagaimana maklumat-maklumat yang pernah diberikan kepada saya sebelum itu, walaupun asalnya tidak lengkap dan tidak dapat dipastikan benar atau tidak; selepas disiasat maka ada bukti kukuh kondominium-kondominium seperti One Menerong di Bangsar dan beberapa kondominium di Singapura telah dibeli oleh SP1 atau NFC.

J14.2 Setelah menyiasat kes ini selama lebih 4 bulan, memang saya tahu adalah terlalu sukar bagi NFC, atau SP1 atau isteri SP1 iaitu Dato' Seri Shahrizat Jalil untuk memberi apa-apa maklum balas sekali pun ada bukti jelas penyelewengan dana awam telah berlaku. Oleh itu, mengadakan satu sidang media untuk menanyakan soalan dan mendapat maklum balas adalah satu amalan biasa dalam sistem demokrasi agar pihak berkuasa yang bertanggungjawab, SP1 yang menerima dana awam dan isteri SP1 yang merupakan penjawat awam berpangkat tinggi menjawab soalan-soalan mengenai aduan dana awam sebanyak RM250 juta yang tidak dibelanjakan mengikut mandat yang ditetapkan.

- J14.3 Malah dalam beberapa pembelian hartanah mewah yang saya dedahkan sebelum itu, ada pimpinan Barisan Nasional yang menafikan bahawa ia benar-benar berlaku walaupun buktinya kukuh. Hanya selepas siri sidang media yang berterusan akhirnya SP1 dan NFC mengesahkan bahawa mereka memang ada membeli secara tunai dua kondominium di One Menerong, Bangsar menggunakan dana dari RM250 juta yang diberikan Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek fidlot.
- J14.4 Kaedah menanyakan melalui sidang media untuk mendapat pengesahan, penafian atau maklum balas dari SP1, NFC, isteri SP1 dan pihak berkuasa ini telah membantu saya dan rakyat membongkar beberapa siri pembelian hartanah mewah dalam dan luar negara menggunakan dana awam RM250 juta itu.
- J14.5 Sebab itu saya memanggil sidang media pada 7 Mac 2012 dengan tujuan yang sama. Saya beranggapan bahawa maklumat yang saya terima dalam bentuk dokumen-dokumen salinan A4 itu adalah dalam bentuk sekunder (“secondary”) yang tidak dapat dipastikan asalnya atau kesahihannya. Daripada pengalaman saya sebagai juru audit di United Kingdom dahulu, saya berpendapat ia tidak melanggar undang-undang kerana dokumen-dokumen itu tidak pun dapat dipastikan sama ada benar-benar asli; atau sama ada benar-benar datang dari bank; atau dari bank mana.
- J14.6 Risiko yang saya hadapi dalam membuat sidang media itu adalah risiko disaman oleh SP1 atau NFC atau isteri SP1. Itu bukan perkara baru kerana pada ketika saya membuat sidang media

pada 7 Mac 2012 itu, saya telah pun disaman oleh isteri SP1 yang dokumen samannya itu dihantar kepada saya di awal Februari 2012.

J14.7 Maka saya mengambil keputusan saya sanggup berdepan dengan satu lagi saman sivil demi mendapat kepastian bahawa dana awam dari RM250 juta yang diperuntukkan untuk projek fidlot itu tidak terus digunakan untuk membeli hartanah-hartanah seperti kondominium yang tidak ada kena mengena dengan penternakan lembu.

S15 Di dalam Eksibit P4 perenggan 4, kamu menyebut ‘semakan dengan sebuah bank tempatan’, adakah ini bermaksud kamu telah membuat semakan di mana-mana bank dan bolehkah kamu beritahu bank mana yang kamu maksudkan?

J15.1 “Semakan di bank tempatan” bukanlah bermaksud saya telah menelefon atau menghubungi mana-mana bank tetapi ayat tersebut adalah terjemahan langsung dari bahasa Inggeris yang cuba menyampaikan maksud bahawa maklumat-maklumat khusus di dalam lampiran-lampiran di dalam Eksibit P4 menyamai kod-kod dan maklumat-maklumat yang lazimnya digunakan di dalam perisian kewangan bank, berdasarkan pengalaman saya sebagai bekas juru audit dan akauntan bertauliah.

J15.2 Oleh kerana maklumat kod bank telah dipadamkan di dalam dokumen yang ditinggalkan di pejabat saya, adalah mustahil

untuk saya membuat semakan dengan pihak bank kerana saya tidak tahu bank mana yang perlu saya semak. Saya juga tidak pasti sama ada dokumen itu benar-benar dari bank atau tidak.

S16 Rujuk semula kepada Eksibit P4 dan lampiran. Adakah ini merupakan kenyataan akhbar yang dibentangkan pada 7 Mac 2012?

J16.1 Saya tidak dapat mengesahkan sama ada P4 merupakan kenyataan akhbar pada hari tersebut kerana P4 yang dikemukakan di mahkamah ini tidak ada sebarang tandatangan saya. Ia boleh sahaja ditaip oleh sesiapa dan dicetak dengan meletakkan nama saya.

J16.2 Saya menandatangani kenyataan-kenyataan akhbar saya yang diedarkan semasa sidang media, apatah lagi yang melibatkan dasar atau perkara-perkara besar seperti ini. Itu adalah amalan yang biasa bagi mana-mana pihak yang biasa mengendalikan sidang media atau mengeluarkan kenyataan media. Jika pun seorang wartawan mendapat kenyataan akhbar dalam bentuk elektronik yang tidak bertandatangan seperti melalui email, kebiasaannya email itu mesti datang dari email peribadi saya dan wartawan boleh mengesahkan terus sama ada sesuatu kenyataan media itu benar-benar datang dari saya.

J16.3 Saya hanya mencetak satu salinan kenyataan yang dibacakan sendiri oleh saya semasa sidang media tersebut dan tidak membuat apa-apa cetakan lain untuk diedarkan kerana

pengalaman saya, sekiranya kenyataan akhbar diedarkan terlebih dahulu, wartawan yang hadir tidak menumpukan perhatian kepada sidang media yang disampaikan. Saya juga tidak menghantar apa-apa email untuk mengedarkan apa-apa kenyataan akhbar pada 7 Mac 2012. Tidak ada seorang pun wartawan yang menghubungi saya untuk mengesahkan kesahihan apa-apa kenyataan akhbar pada hari itu. Malah, Eksibit P4 yang dikatakan kenyataan akhbar saya itu ada banyak contengan dan catatan yang bukan tulisan tangan saya; yang bermakna ia datang dari pihak ketiga.

J16.4 Oleh sebab itu, saya katakan kepada mahkamah ini Eksibit P4 bukan kenyataan akhbar yang saya bacakan pada sidang media 7 Mac 2017 itu.

S17 Kamu menyatakan bahawa kamu tidak dapat mengesahkan P4 adalah kenyataan akhbar yang kamu sediakan, jadi bagaimana SP4 memperolehi kenyataan akhbar ini?

J17.1 Saya tidak kenal SP4 dan saya tidak boleh mengesahkan SP4 hadir pada sidang akhbar tersebut. Justeru, saya tidak tahu bagaimana dan dari mana SP4 memperolehi kenyataan akhbar tersebut kerana saya tidak pernah pada sebarang masa menyerahkan kenyataan akhbar tersebut kepada SP4. Sekiranya kenyataan akhbar saya, sudah pasti tertera tandatangan saya di situ, sedangkan P4 yang dikatakan diperolehi oleh SP4 tidak ada tandatangan saya.

- J17.2 Malah, adalah jelas bahawa SP4 bukanlah seorang wartawan tetapi orang yang dibayar oleh SP1 untuk mengendalikan isu-isu bersabit salah guna dana awam NFC. Oleh itu, SP4 mempunyai kepentingan untuk menunjukkan saya bersalah kerana jika kredibiliti saya berjaya dicemari, itu membantu pelanggan SP4 iaitu SP1 untuk meneruskan perniagaan NFC dengan dana awam yang membolehkan SP1 membayar SP4 atas khidmat-khidmatnya. Saya juga mendapat maklumat melalui satu lagi perbicaraan sivil berhubung NFC juga, bahawa firma perhubungan awam tempat SP4 bekerja tidak mendapat bayaran penuh bagi satu tempoh yang lama sejak mula-mula mengendalikan skandal NFC bagi pihak SP1.
- J17.3 Lagi pun SP3 sendiri mengakui bahawa salinan asal yang didakwa diperolehi oleh SP4 dari sidang media saya yang beliau hadiri telah hilang. SP4 juga mengakui bahawa beliau tidak menerima kenyataan akhbar itu dari saya, sebaliknya dari seorang yang bernama Mazda. Saya tidak pernah kenal sesiapa pun yang bernama Mazda, saya hanya kenal jenama kereta yang bernama Mazda.
- J17.4 Saya berhak meragui kesahihan dakwaan SP4 bahawa P4 ini datang dari sidang media saya kerana ia bukan sahaja tidak bertandatangan, malah P4 ini mempunyai kepentingan kewangan untuk menyatakan sedemikian walaupun beliau tidak dapat menunjukkan bukti dari mana P4 diperolehi atau mengemukakan salinan asal. Oleh itu, saya tidak dapat mengesahkan sama ada P4 ini datang dari sidang media yang saya kendalikan pada 7 Mac 2012.

S18 Sekarang berkenaan dengan SP5, seorang wartawan. Adakah kamu pernah menyerahkan P4 kepada saksi SP5 ini?

J18.1 Saya kenal SP5 sebagai wartawan dari akhbar The Star kerana beliau selalu hadir membuat liputan sidang akhbar saya dan juga sidang akhbar pimpinan PKR yang lain. Tetapi saya tidak dapat mengesahkan sama ada SP5 benar-benar hadir atau tidak sewaktu sidang akhbar saya pada 7 Mac 2012. Saya juga mengesahkan saya tidak pernah menyerahkan P4 kepada SP5 kerana saya tidak mencetak kenyataan akhbar yang saya bacakan pada hari itu. Saya tidak tahu dari mana SP5 memperolehi P4.

S19 Keterangan kamu sebentar tadi menyebut bahawa P4 tidak ada tandatangan kamu dan juga terdapat kesan contengan. Pernah atau tidak semasa siasatan berjalan, IO meminta kepada kamu salinan asal kenyataan akhbar kamu pada tarikh 7 Mac 2012?

J19.1 Saya mengesahkan IO tidak pernah meminta daripada saya salinan asal kenyataan akhbar saya pada 7 Mac 2012 tersebut sehingga ke hari ini.

S20 Di dalam kes ini kamu telah dituduh menzahirkan dokumen-dokumen seperti mana Eksibit P4 berserta lampiran-lampiran yang dikatakan hal ehwal akaun bank Public Bank Berhad. Pada waktu sidang akhbar tersebut, ada atau tidak kamu

memberitahu bahawa dokumen-dokumen tersebut berasal daripada Public Bank Berhad cawangan Jinjang?

J20.1 Saya tidak pernah menyebut atau menzahirkan bahawa dokumen tersebut daripada Public Bank kerana saya tidak tahu dari mana asalnya dokumen tersebut atau kesahihan sama ada dokumen tersebut adalah laporan dari mana-mana bank pun. Kenyataan akhbar saya tidak pernah sebut atau menyatakan nama mana-mana bank kerana sememangnya saya tidak tahu. Saya hanya mengetahui nama bank apabila siasatan dijalankan terhadap saya.

Bertarikh pada **7 Disember 2017**.

Diakui benar oleh penama di atas,



.....
Mohd Rafizi Bin Ramli

Pernyataan Saksi SD1 ini telah difailkan oleh Tetuan Sazali & Lim, Peguambela & Peguamcara yang beralamat di No. 15, Tingkat Atas, Pusat Komersil Temerloh, Jalan Dato' Bahaman 3, 28000 Temerloh, Pahang Darul Makmur.

***(Ruj : SL/7218/AN/TL17/L-fk)**